

Dr M: Seluruh agensi-agensi kerajaan akan disusun semula

4 JUN 1977

KOTA BHARU, Jumaat. — Semua agensi Kerajaan akan dikaji semula bagi menentukan pengawasan yang lebih cecap dalam usaha membantu kaum Bumiputera.

Timbalan Perdana Menteri (Dr. Mahathir Mohamad berkata Kerajaan akan mengarahkan agensi-agensi itu beberapa hari lagi.

Bellau berkata demikian kepada para pemberita di sini selepas merasmikan mesyuarat agung ketiga Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Kelantan di Dewan PPK petang ini.

Katanya ketika ini banyak agensi Kerajaan mengalami berbagai kesulitan untuk mencapai tujuan asal penubuhannya.

Ini disebabkan agensi-agensi Kerajaan telah menubuhkan terlalu banyak anak syarikat masing-masing sehingga membebankan agensi-agensi tersebut.

Kritik

"Kerajaan tidak dapat memastikan beberapa banyak agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan setakat ini termasuk anak-anak syarikat masing-masing."

Bellau yakin dengan

adanya penyusunan semula ini beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh agensi-agensi Kerajaan serta anak-anak syarikat masing-masing akan dapat di atasi.

Dr. Mahathir berkata ketika ini Mara sedang mengkaji kelemahannya sendiri kerana perjalanannya telah tidak mengikut tujuan asal penubuhan agensi itu.

Bellau memuji cara Mara bertindak dengan mengkritik diri sendiri bagi membetulkan kesalahan yang lalu supaya ia akan menjadi satu agensi yang berkesan untuk memajukan Bumiputera.

Sementara itu di Batu Pahat pagi tadi Dr. Mahathir berkata penubuhan Barisan Nasional membuktikan bahawa Umno bukanlah satu parti yang tamak. Ia bersedia bekerjasama dengan sesiapa sahaja menurut lunas-lunas tertentu.

Menurut bellau Umno ditubuhkan semata-mata untuk menyatupadukan orang-orang Melayu, bukan untuk merampas hak kaum-kaum lain.

Berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno Bahagian

Semerah dekat sini, Dr. Mahathir yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, Dasar Ekonomi Baru akan dapat mengatasi keadaan yang tidak seimbang yang sekarang wujud di kalangan berbagai kaum di negara ini.

Menyentuh tentang peranan ahli-ahli Umno, bellau berkata mereka mempunyai peranan penting dalam parti kerana tanpa ahli-ahli biasa Umno tidak akan wujud.

Dalam keadaan sekarang dan pada bila-bila masa sahaja, tambah bellau, selaku kakitangan Umno mereka berkewajipan untuk berkorban mempertahankan parti.

Hasil

Bellau juga membiadas orang-orang Melayu yang mengeluarkan pendapat sesuka hati dan berbahas semata-mata untuk menonjolkan kepintaran mereka, sedangkan hasil yang baik tidak selalunya tercapai.

Tambah bellau, di samping pendapat para pemimpin parti, pendapat ahli-ahli biasa diterima untuk dijadikan dasar pemerintahan negara jika ia difikirkan baik dan perlu.

Menurut bellau, pemimpin parti boleh bertukar tapi ia harus berlaku menurut Perlembagaan yang disifatkan sebagai saluran yang dapat mempertahankan keutuhan Umno.

Dr. Mahathir juga merasmikan mesyuarat agung Umno Bahagian Batu Pahat di sini pagi ini.

Bellau berkata penyemakan semula daftar pengundi yang sedang dijalankan akan memastikan nama setiap rakyat yang layak mengundi akan tercatat dalam senarai pengundi.

Di samping itu, tegas bellau, mereka yang telahpun mendaftar perlu juga menyemak semula nama mereka supaya tidak berlaku sebarang kekecohan di waktu pengundian dalam pilihan raya umum akan datang.

Dr. Mahathir mengingatkan rakyat bahawa kuasa mengundi itu adalah senjata bagi mereka menentukan corak Kerajaan yang mereka mahukan.

"Jika rakyat lalai dan tidak menyedari tanggungjawab mereka, Kerajaan yang akan dibentuk nanti mungkin tidak dapat menjaga kepentingan mereka," tambah bellau.